

02 MAY, 2026

# 132,000 wanita dapat manfaat

Sinar Harian, Malaysia



## Kerajaan perkenal elaun pasca cuti bersalin, bantu ibu selepas lahirkan anak

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan akan memperkenalkan Elaun Pasca Cuti Bersalin sebagai langkah progresif bagi menyokong penyertaan wanita dalam tenaga buruh serta mengurangkan tekanan yang dihadapi ibu selepas melahirkan anak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, inisiatif itu diperkenalkan susulan dapatan bahawa kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan wanita, khususnya berumur antara 25 hingga 39 tahun, menunjukkan sedikit penurunan, antaranya disebabkan komitmen materniti.

Beliau berkata, elaun itu akan diperkenalkan melalui pindaan kepada Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dan bertujuan memberikan sokongan kewangan tambahan kepada ibu yang memerlukan masa lebih panjang selepas tempoh cuti bersalin.

"Rasionalnya ialah kita tidak mahu se-

# 132,000 wanita dapat manfaat



telah itu sepertimana yang berlaku selama ini, ibu merasakan terpaksa berhenti dan meninggalkan medan pekerjaan," kata beliau ketika menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026, di sini pada Jumaat.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, faedah elaun akan ditetapkan pada kadar 80 peratus daripada gaji anggaran bulanan bagi pekerja wanita yang diinsuranskan, dan akan dibayar secara sekali beri (*one-off*).

"Elaun ini merupakan bantuan kewangan bagi cuti tambahan hingga 30 hari sebulan yang diambil selepas tamat tempoh cuti bersalin 98 hari," kata beliau sambil menambah kerajaan sentiasa komited

dalam memperkasakan wanita sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial negara.

Anwar berkata inisiatif itu dijangka memberikan manfaat kepada lebih 132,000 pekerja wanita di seluruh negara.

Mengikut Akta Kerja 1955, setiap pekerja wanita di negara ini layak menikmati cuti bersalin sebanyak 98 hari berterusan termasuk hari rehat dan hari kelepasan am.

Pekerja wanita turut layak mendapatkan elaun bersalin sekiranya bekerja sekurang-kurangnya 90 hari dalam tempoh sembilan bulan sebelum bersalin, bekerja sekurang-kurangnya sehari dalam tempoh empat bulan sebelum bersalin, dan mempunyai kurang daripada lima orang anak yang masih hidup. - *Bernama*

### INFO SENARAI TOKOH PEKERJA 2026

#### TOKOH PEKERJA NEGARA (PERKHIDMATAN AWAM)

**Kumpulan Pengurusan Tertinggi**  
Datuk Seri Amran Mohamed Zin  
(Ketua Setiausaha, Kementerian Luar)

**Kumpulan Pengurusan & Profesional**  
Dr Muhammad Hana Pizi Abdullah  
(Imam Besar Negeri Kelantan)

**Kumpulan Pelaksana**  
Dr N Thinakaran  
(Penolong Pegawai Latihan Vokasional, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara - IKTBN)

#### TOKOH PEKERJA (SEKTOR SWASTA)

**Eksekutif**  
Ariffin Sabirin  
(Ketua Pegawai Eksekutif, Wasiyyah Shoppe Bhd)

**Bukan Eksekutif**  
Sayyidatul Aisyah Sulaiman  
(Syarikat Aerospace Technology Systems Corp)

#### TOKOH PEKERJA (OKU)

Muhammad Adib Ibrahim

#### ANUGERAH MEDIA TERBAIK

**Individu**  
Terrence Tan Jian Wai  
(STAR Media Group)

#### ANUGERAH (ORGANISASI)

**Majikan Terbaik Negara (Syarikat Besar/GLC)**  
Telekom Malaysia (TM)

**Majikan Terbaik Negara (SME)**  
Green Resource Recovery Sdn Bhd

**Kesatuan Sekerja Terbaik Negara (Sektor Awam)**  
Sarawak Teacher's Union

**Kesatuan Sekerja Terbaik Negara (Sektor Swasta)**  
Kesatuan Pekerja-Pekerja Pakaian Seragam Pos Malaysia Berhad (UPUS) Semenanjung Malaysia

**Kesatuan Sekerja Terbaik Negara (Badan Berkanun)**  
Kesatuan Pekerja-Pekerja RISDA Semenanjung Malaysia (KPPRSM)

**Media Terbaik (Agensi)**  
Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)

**Kontinjen Terbaik Hari Pekerja 2026**  
Tenaga Nasional Bhd (TNB)

Nota: Kesemua penerima bagi 14 kategori itu membawa pulang wang tunai RM10,000 bersama plak penghargaan.